BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

1 m/s 4 Antara berikut, yang manakah ciri negara bangsa Alam Melayu?

A Rakyat
B Ekonomi
C Kemakmuran
D Kepelbagaian kaum

2 m/s 4 Apakah undang-undang yang diamalkan oleh Kerajaan Majapahit

A Kutara Manawa
B Hukum kanun Majapahit
C Undang-undang Majapahit
D Undang-undang 99 Majapahit

3 m/s 5 Kesultanan Johor-Riau meneruskan usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh Kesulatan Melayu Melaka. Bagaimanakah usaha tersebut dilakukan?

A Mengukuhkan ekonomi
B Menekankan kepentingan Islam
C Memajukan kegiatan persuratan
D Menjalinkan hubungan diplomatik

4 m/s 6 Antara berikut, yang manakah rakyat kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

I Orang Laut
II Orang Melayu
III Orang Sungai
IV Orang Dagang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5 m/s 7 Berikut adalah lambang kebesaran yang terdapat dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Cap Mohor

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

A Menunjukkan kekuasaan raja
B Mengukuhkan kedudukan raja
C Menunjukkan warisan sesebuah kerajaan
D Mengesahkan arahan daripada Sultan

LIVEWORKSHEETS

6 m/s 11 Berdasarkan fasal 5 dalam Undang-undang Laut Melaka, apakah hukuman yang dikenakan pada seseorang yang membunuh orang diatas kapal?

A Dipenjarakan
B Dibuang negeri
C Dihukum bunuh
D Dibuang negara

7 m/s 9 Apakah peranan Bendahara dalam Sistem Pembesar Empat Lipatan?

I Ketua Pentadbir
II Penasihat Sultan
III Ketua Protokol Istana
IV Panglima Angkatan Laut
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 m/s 10 Pasangan yang manakah **betul** berkaitan dengan kandungan Hukum Kanun Melaka?

	Fasal	Kandungan
A	Fasal 3.3	Kesalahan memalsukan titah Sultan
B	Fasal 5.1	Kesalahan perbuatan mencuri
C	Fasal 28	Saksi dalam penikahan
D	Fasal 30	Pengharaman riba

9 m/s 13 Tulah amat ditakuti oleh rakyat Melaka. Bagaimanakah mereka dapat menghindarkan diri daripada ditimpa tulah?

A Memelihara keamanan
B Tidak menghormati raja
C Tidak derhaka kepada raja
D Mengeratkan perpaduan masyarakat

10 m/s 13 Dalam hierarki masyarakat Melayu, Hamba merupakan golongan terbawah. Manakah antara berikut dalam kategori hamba?

I Hamba raja
II Hamba bebas
III Hamba pembesar
IV Hamba berhutang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS